

28 SEP 2001

Umno-Disiplin

SEBANYAK 13 ANGGOTA UMNO DIDAPATI BERSALAH LANGGAR ETIKA PARTI

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Dua orang anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) adalah antara 13 orang lagi anggota Umno yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin parti kerana melanggar tata etika parti pada pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini.

Dalam keputusan terbaru yang diumumkan hari ini, seramai empat orang termasuk tiga ketua bahagian digantung hak memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan di dalam parti di bawah Fasal 6.2.2 Perlembagaan Umno selama tempoh satu penggal pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi, berkuatkuasa 14 Sept 2001.

Mereka yang terbabit ialah Adun Benut, Salehon Sengot yang juga Timbalan Ketua Bahagian Sungai Benut, Ketua Bahagian Jelutong, Mohd Noor Hussain, Ketua Bahagian Silam, Datuk Mohd Yusof Amat Jamlee dan Ketua Bahagian Bandau, Jelani Hamdan.

Adun Selat Klang, Datuk Zainal @ Zakaria Md. Deros yang juga Ketua Bahagian Klang pula didapati bersalah dan diberi amaran menurut Perlembagaan Umno Fasal 20.9 (a), kata Pengerusi Lembaga Disiplin Umno Tengku Ahmad Rithauddeen pada sidang media di ibu pejabat Umno di sini.

Anggota lain yang diberi amaran yang sama ialah Muhamad Fauzi Daud (AJK cawangan Hulu Langat), Fauziah Abdullah Sani (AJK Bahagian Petaling Jaya Selatan), Wan Amizan Abdul Razak (Ketua Pemuda Bahagian Jerantut).

Mohamad Jalil (Ketua Pemuda Bahagian Sungai Benut), Onn Mohd Yasin (Naib Ketua Bahagian Sungai Benut), Norman Atan (AJK Bahagian Sungai Benut), Rubi Jaafar (anggota biasa Sungai Benut), dan Rositah @ Rotina Ekol (AJK Bahagian Bandau) turut dikenakan amaran serupa.

"Keputusan ini telah dibuat dalam masa sebulan oleh lembaga disiplin dan seramai 51 orang yang lain didapati tidak bersalah," katanya.

Beliau berkata mereka yang diberikan amaran, mengikut istilah perundangan adalah bersalah tetapi panel tribunal menjustifikasikan untuk memberikan amaran kepada mereka kerana keadaan dalam pendengaran kes.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata secara keseluruhan kes-kes yang membabitkan salah laku dan melanggar tatacara etika ini telah pun selesai tetapi mungkin terdapat satu atau dua lagi kes yang belum muktamad.

"Ini berikutan arahan MT supaya Lembaga Disiplin tidak melayani kes-kes yang dilaporkan selepas sebulan mesyuarat agung bahagian berkenaan diadakan," katanya.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri akan menguruskan segala urusan berkaitan dengan Umno Bahagian yang ketuanya didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin kerana terlibat dengan kegiatan melanggar etika parti pada pemilihan bahagian itu.

Dr Mahathir berkata Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkenaan akan menguruskan bahagian berkenaan sehingga rayuan daripada pihak yang didapati bersalah itu diputuskan.

Kepada satu soalan, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata penggantungan ditetapkan kepada satu penggal kerana sekiranya ditetapkan kepada tempoh tiga tahun, mungkin akan timbul masalah pada masa akan datang.

"Katakanlah pemilihan parti pada peringkat bahagian dan cawangan diputuskan oleh MT pada masa akan datang pada awal 2004, jadi jika ditetapkan pada masa tiga tahun mereka yang terbabit tidak boleh bertanding," kata Tengku Ahmad Rithauddeen.

Mengenai keputusan Lembaga Disiplin yang menggantung mereka yang

terbabit dengan salah laku selama tiga tahun dan bukannya satu penggal sebelum ini, beliau berkata perkara itu mungkin akan dipertimbangkan oleh MT untuk membolehkan mereka bertanding.

Beliau berkata mereka yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin masih boleh membuat rayuan kepada sekretariat bebas yang akan mengkaji rayuan yang dikemukakan dan mempertimbangkannya.

Kes rayuan yang dipertimbangkan itu kemudiannya akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi selaku Lembaga Rayuan.

Sebelum ini Umno mengumumkan sekretariat bebas itu akan dipengerusikan oleh Datuk Zuki Kamaluddin.

-- BERNAMA

SHS MFJ MOZ